



Delegation of the  
European Union to Malaysia



S U H A K A M  
HAK ASASI UNTUK SEMUA

**PENGANUGERAHAN GERAN OLEH KESATUAN EROPAH KEPADA SUHAKAM BAGI  
MENYOKONG MELUASKAN RUANG DEMOKRASI, MENGUKUHKAN KEDAULATAN  
UNDANG-UNDANG, MEMUPUK RASA HORMAT DAN MELINDUNGI HAK ASASI  
MANUSIA DI MALAYSIA**

8 Disember, Kuala Lumpur - Delegasi Kesatuan Eropah (EU) ke Malaysia dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah menandatangani kontrak untuk melaksanakan projek 3 tahun di bawah seruan untuk 'Meluaskan Ruang Demokrasi, Mengukuhkan Kedaulatan Undang-Undang, Memupuk Rasa Hormat dan Melindungi Hak Asasi Manusia di Malaysia'.

Kontrak tersebut telah ditandatangani oleh Tuan Yang Terutama Michalis Rokas, Duta Kesatuan Eropah ke Malaysia dan YBhg. Profesor Dato' Dr Rahmat Mohamad, Pengerusi SUHAKAM. Projek itu dijadualkan bermula pada 1 Januari 2023 dengan anggaran geran sebanyak 500,000.00 Euro (MYR 2.31 juta) dan akan dilaksanakan di pelbagai lokasi di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Projek SUHAKAM mengenai 'Memajukan Hak Asasi Manusia di Malaysia Melalui Pendekatan Strategik dalam Pendidikan dan Peningkatan Kesedaran', mempunyai objektif keseluruhan untuk menerapkan satu persekitaran di mana prinsip hak asasi manusia dapat difahami, diterima, dihormati dan dilindungi.

Tiga tujuan utama projek ini ialah untuk menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan memajukan hak asasi manusia, meningkatkan kesedaran dan mempromosikan kepada masyarakat mengenai prinsip-prinsip hak asasi manusia, dan pembangunan kapasiti pendukung hak asasi manusia yang menyasarkan pelbagai penerima manfaat termasuk agensi kerajaan, pengamal undang-undang, organisasi masyarakat sivil, komuniti akar umbi, dan tenaga kerja SUHAKAM.

Inisiatif bersama ini merupakan kerjasama ketiga antara SUHAKAM dan Kesatuan Eropah, dan kedua-dua pihak mempunyai harapan agar kerjasama ini dapat menuju ke arah pencapaian matlamat yang sama dalam ruang demokrasi dan hak asasi manusia untuk negara.

**-TAMAT-**

Pertanyaan media:

Norashikin Hamzah, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Media dan Promosi SUHAKAM  
[shikin@suhakam.org.my](mailto:shikin@suhakam.org.my) / 03-2612 5687 / 0196215336